



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN


LAPORAN ANALISIS

**KEPUTUSAN  
PEPERIKSAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2021**

## LATAR BELAKANG

---

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan peperiksaan utama kebangsaan yang ditadbirkan secara berpusat dan ditaksir pada penghujung pendidikan menengah. Peperiksaan ini merupakan peperiksaan pensijilan yang digunakan oleh murid untuk melanjutkan pelajaran, memohon biasiswa dan pekerjaan.



Calon peperiksaan SPM 2021 merupakan kohort pertama yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) sejak berada di Tahun 1 pada tahun 2011. Mereka juga menjadi kohort pertama yang mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di Tingkatan 1 pada tahun 2017. Calon ini juga melalui pengalaman pembelajaran mencabar dalam norma baharu sepanjang mereka berada di Tingkatan 4 dan 5.

## PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN PEPERIKSAAN

---

Seperti mana pada tahun 2020, peperiksaan SPM 2021 turut berlangsung dalam keadaan negara masih berada dalam tempoh pandemik COVID-19. Oleh itu, KPM telah memastikan pengurusan dan pengendalian peperiksaan

SPM 2021 dilaksanakan dengan mematuhi Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang dikeluarkan oleh KPM serta prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pematuhan terhadap garis panduan dan SOP ini adalah bagi memastikan keselamatan dan kebajikan calon serta petugas peperiksaan terjamin, di samping memastikan pengurusan peperiksaan berjalan lancar dan penularan wabak COVID-19 dapat dicegah di pusat peperiksaan.

## MAKLUMAT AM

### Daftar Calon

Sejumlah 407,097 orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan SPM 2021 di 3,382 pusat peperiksaan. Jumlah calon ini menunjukkan pertambahan sebanyak 1.49 peratus (5,992 orang) berbanding SPM 2020, iaitu seramai 401,105 orang calon. Perincian maklumat mengikut kategori calon pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

Kategori Calon	2020		2021		Beza
	Bil.	%	Bil.	%	%
Sekolah KPM	351,517	87.64	357,477	87.81	0.17
Sekolah Agensi Kerajaan	8,445	2.11	7,590	1.86	-0.25
Sek. Men. Agama Negeri	8,203	2.05	7,714	1.89	-0.16
Sek. Men. Agama Rakyat	2,116	0.53	2,321	0.57	0.04
Sekolah Swasta	13,096	3.26	13,498	3.32	0.06
Persendirian	17,728	4.42	18,497	4.54	0.12
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>401,105</b>	<b>100.00</b>	<b>407,097</b>	<b>100.00%</b>	<b>-</b>

**Jadual 1:** Pendaftaran Calon Peperiksaan SPM 2021 Berbanding Tahun 2020



Peperiksaan SPM 2021 telah dilaksanakan dalam dua sesi. Peperiksaan **sesi pertama** telah berlangsung pada **8 Februari hingga 29 Mac 2022**, manakala peperiksaan **sesi kedua** diadakan pada **5 April hingga 19 Mei 2022**.

### Petugas Peperiksaan dan Pemeriksa

Seramai 50,514 orang petugas peperiksaan SPM 2021 telah dilantik berbanding seramai 48,014 orang pada tahun 2020. Pertambahan seramai 2,500 orang petugas berbanding SPM 2020 adalah langkah yang diambil bagi memenuhi keperluan SOP dan meningkatkan kecekapan pengurusan peperiksaan norma baharu.


Seramai 21,192 orang pemeriksa pula dilantik sebagai pemeriksa skrip jawapan peperiksaan (SJP). Pemeriksaan SJP dilaksanakan secara dalam talian bagi semua mata pelajaran kecuali mata pelajaran Pendidikan Seni Visual.



## PENGIKTIRAFAN SPM PADA PERINGKAT ANTARABANGSA

---

Bagi tujuan penandaarasan dan penjaminan kualiti pada peringkat antarabangsa, pakar pentaksiran dari luar negara yang terlibat dalam peperiksaan SPM 2021 adalah dari **Cambridge Assessment English (CAE), United Kingdom, Cambridge Assessment International Education (CAIE), United Kingdom** dan **Pearson, United Kingdom**.




## FORMAT SPM 2021

---

Hasrat transformasi kurikulum dan pentaksiran pada peringkat pendidikan menengah adalah untuk memastikan perkembangan potensi murid secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Perkembangan ini meliputi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhlak mulia. Selain itu, KSSM juga memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran abad ke-21 seperti komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreatif dan nilai.

Selaras dengan pelaksanaan KSSM, maka format peperiksaan SPM 2021 yang baharu dan ditambah baik telah diperkenalkan. Peperiksaan SPM 2021


menawarkan sebanyak **95 mata pelajaran** berbanding 83 mata pelajaran pada tahun 2020, dengan jumlah kertas peperiksaan **sebanyak 180**.



Mata pelajaran yang diuji merangkumi **27 mata pelajaran** baharu, **48 mata pelajaran** sedia ada dengan format peperiksaan baharu, dan **20 mata pelajaran** lagi mata pelajaran sedia ada dan mengekalkan format peperiksaan sedia ada.



## Ujian Lisan Bahasa Melayu



Peperiksaan SPM 2021 juga melaporkan pencapaian calon dalam Ujian Lisan Bahasa Melayu (ULBM). Pelaporan ini berdasarkan pencapaian dalam Ujian Lisan Bertutur dan Ujian


Lisan Mendengar, iaitu dua (2) daripada empat (4) kertas peperiksaan bagi

mata pelajaran Bahasa Melayu. Pencapaian calon dalam ULBM dilaporkan dalam empat tahap pencapaian iaitu Cemerlang, Kepujian, Lulus dan Gagal.

### Penjajaran Kertas Bahasa Inggeris kepada *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*

---

Penjajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris kepada *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)* adalah selari dengan hasrat yang terkandung dalam *English Language Education Reform in Malaysia: The Roadmap 2015-2025*.




CEFR merupakan satu piawaian antarabangsa yang digunakan untuk menunjukkan tahap penguasaan bahasa murid. Penguasaan Bahasa Inggeris calon dilaporkan dalam dua (2) bentuk pelaporan, iaitu dalam gred SPM dan berdasarkan tahap CEFR.

Pelaporan ini tertera pada sijil SPM dan calon juga akan menerima Pernyataan Keputusan Bahasa Inggeris yang melaporkan tahap penguasaan keseluruhan dan juga mengikut kemahiran berdasarkan tahap CEFR (tahap PreA1, iaitu tahap yang paling rendah sehingga C1, iaitu tahap paling tinggi).

## Ujian Amali Sains

---



**Ujian Amali Sains (UAS)** mata pelajaran **Fizik, Kimia, Biologi** dan **Sains Tambahan** telah dilaksanakan dalam peperiksaan SPM 2021 untuk menggantikan Ujian Amali Bertulis. Tujuan ujian ini diadakan adalah untuk mengukur penguasaan kemahiran proses sains dan kemahiran manipulatif murid aliran sains. Pelaksanaan semula UAS secara peperiksaan pusat ini merupakan satu usaha KPM

yang membolehkan pentaksiran bagi mata pelajaran sains dilakukan secara menyeluruh dan seterusnya, merealisasikan aspirasi PPPM (2013-2025).

## GRED PURATA NASIONAL (GPN)

---

Pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pembelajaran dalam kesemua mata pelajaran yang diuji. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan pencapaian calon di seluruh negara ialah **Gred Purata Nasional (GPN)**. Nilai **GPN yang lebih kecil** menunjukkan pencapaian calon yang **lebih baik**.

GPN bagi peperiksaan SPM 2021 adalah 4.86 mata. Analisis peperiksaan SPM 2021 dalam laporan ini adalah berdasarkan semua calon baharu yang mendaftar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran.

**4.86**  
**GPN SPM 2021**


## PENCAPAIAN CALON PEPERIKSAAN SPM 2021

---

Pada tahun 2021, seramai 382,156 calon telah menduduki peperiksaan SPM. Sebanyak 55.29% (211,334) calon lulus sekurang-kurangnya semua mata



pelajaran yang diduduki pada tahun 2021. Perincian pencapaian calon ditunjukkan pada **Rajah 1**.



**Rajah 1: Pencapaian Calon Tahun 2021**

## **GRED PURATA MATA PELAJARAN (GPMP)**

Prestasi mata pelajaran merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diukur dalam setiap mata pelajaran yang diuji. Indeks yang digunakan untuk menunjukkan prestasi mata pelajaran ialah **Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP)**. Nilai GPMP yang **lebih kecil** menunjukkan prestasi mata pelajaran yang **lebih baik**.

### **Prestasi Mata Pelajaran**

Pelaporan analisis prestasi mata pelajaran dibahagikan kepada 3 kategori, iaitu 27 mata pelajaran baharu, 48 mata pelajaran sedia ada yang menggunakan format baharu dan 20 mata pelajaran sedia ada dengan format sedia ada.

Bagi kategori prestasi mata pelajaran baharu seperti dalam **Jadual 2**, mata pelajaran **Seni Halus 2D, Tarian, Apresiasi Tari** menunjukkan prestasi tertinggi.

Mata pelajaran	GPMP	Mata pelajaran	GPMP
Kesusasteraan Inggeris	3.86	Tarian	0.00
Kesusasteraan Melayu Komunikatif	5.04	Koreografi Tari	0.08
Lukisan	0.43	Apresiasi Tari	0.00
Sejarah dan Pengurusan Seni	0.71	Lakonan	0.20
Seni Halus 2D	0.00	Penulisan Skrip	0.16
Seni Halus 3D	0.07	Sinografi	0.27
Reka bentuk Grafik	0.57	Bahasa Semai	3.54
Multimedia Kreatif	1.10	Pembuatan Perabot	2.19
Reka Bentuk Kraf	1.21	Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut	1.91
Reka Bentuk Industri	1.14	Gerontologi Asas dan Geriatric	0.94
Produksi Seni Persembahan	0.10	Produksi Reka Tanda	2.13
Alat Muzik Utama	0.72	Hiasan Dalaman	1.93
Muzik Komputer	0.27	Reka Bentuk Grafik Digital	1.91
Aural dan Teori	0.24		

**Jadual 2:** Prestasi 27 Mata Pelajaran Baharu

Bagi kategori prestasi mata pelajaran sedia ada dengan format baharu dalam **Jadual 3**, mata pelajaran **Bahasa Kadazandusun** menunjukkan prestasi tertinggi.

Mata pelajaran	GPMP	Mata pelajaran	GPMP
Bahasa Melayu	4.11	Bahasa Cina	4.04
Bahasa Inggeris	5.23	Bahasa Tamil	3.94
Pendidikan Islam	4.31	Bahasa Iban	3.26
Pendidikan Moral	4.79	Bahasa Kadazandusun	2.45
Sejarah	4.88	Pembinaan Domestik	3.63
Matematik	5.57	Kerja Paip Domestik	2.90
Sains	5.15	Pendawaian Domestik	4.13
Geografi	4.84	Kimpalan Arka dan Gas	3.61
Bahasa Arab	4.61	Menservis Automobil	3.88
Pendidikan Seni Visual	4.44	Menservis Motosikal	3.96
Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah	3.39	Menservis Peralatan Penyejukan dan Penyamanan Udara	4.03
Matematik Tambahan	5.84	Menservis Peralatan Elektrik Domestik	3.33
Pengajian Keusahawanan	4.12	Katering dan Penyajian	3.00
Lukisan Kejuruteraan	4.37	Pemprosesan Makanan	2.84
Pengajian Kejuruteraan Mekanikal	4.72	Rekaan dan Jahitan Pakaian	3.47
Pengajian Kejuruteraan Awam	4.37	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak	3.30
Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	3.81	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi	3.02
Fizik	4.40	Landskap dan Nurseri	3.71
Kimia	5.08	Tanaman Makanan	2.56
Biologi	4.55	Produksi Multimedia	3.35
Sains Tambahan	5.66	Kesusasteraan Cina	4.91
Tasawwur Islam	4.49	Kesusasteraan Tamil	3.74
Pendidikan Muzik	3.01	Bible Knowledge	4.58
Pendidikan Syari'ah Islamiah	4.23	Bahasa Punjabi	2.82

**Jadual 3:** Pencapaian Prestasi 48 Mata Pelajaran Sedia Ada Dengan Format Baharu

Bagi kategori prestasi mata pelajaran sedia ada dengan format sedia ada dalam **Jadual 4**, mata pelajaran **Turath Dirasat Islamiah** menunjukkan prestasi tertinggi.


Mata pelajaran	GPMP	Mata pelajaran	GPMP
Pertanian	4.01	Hifz Al-Quran	1.71
Prinsip Perakaunan	4.51	Maharat Al-Quran	2.98
Reka Cipta	3.90	Turath Al-Quran dan Al-Sunnah	3.49
Perniagaan	5.70	Turath Dirasat Islamiah	1.26
Ekonomi	5.77	Turath Bahasa Arab	1.70
Asas Kelestarian	3.37	Usul Al-Din	4.17
Sains Rumah Tangga	5.04	Al-Syariah	4.73
Sains Komputer	4.21	Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah	5.01
Grafik Komunikasi Teknikal	4.04	Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah	5.58
Sains Sukan	4.59	Al-Adab Wa Al-Balaghah	4.67

**Jadual 4:** Pencapaian Prestasi 20 Mata Pelajaran Sedia Ada dengan Format Sedia Ada

Analisis terperinci bagi semua mata pelajaran pada tahun 2021 ditunjukkan dalam **Lampiran A**.

## PENSIJILAN SPM

Syarat pensijilan SPM mulai tahun 2013 menetapkan calon sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah. Pada tahun 2021, **peratus calon yang layak menerima sijil SPM adalah 88.09% (336,630 orang calon).**



## PENSIJILAN CALON BERKEPERLUAN KHAS (CBK)

---

Seramai **1,411 orang CBK** telah menduduki peperiksaan SPM 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **69.10% CBK** layak menerima Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun ini. Pencapaian CBK mengikut kategori ditunjukkan dalam **Jadual 5**.

<b>Kategori CBK</b>		
	<b>Bil</b>	<b>%</b>
Kurang Upaya Fizikal	244	78.71
Kurang Upaya Pelbagai	90	73.17
Kurang Upaya Pendengaran	97	61.01
Kurang Upaya Penglihatan (Buta)	24	92.31
Kurang Upaya Penglihatan (Rabun)	200	86.58
Kurang Upaya Pertuturan	5	62.50
Masalah Pembelajaran	315	56.86
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>975</b>	<b>69.10</b>

**Jadual 5:** Pensijilan CBK Mengikut Kategori


## KEUPAYAAN CALON MENJAWAB SOALAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)

Soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mula diperkenalkan dalam kertas peperiksaan SPM sejak tahun 2014. Soalan KBAT **menguji keupayaan calon** menggunakan kemahiran **mengaplikasi, menganalisis, menilai** dan **mencipta** untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. **Rajah 2** memaparkan elemen KBAT yang calon perlukan untuk menjawab soalan KBAT dalam kertas peperiksaan.



**Rajah 2:** Kemahiran Berfikir Aras Tinggi





Peratus soalan KBAT dalam kertas peperiksaan SPM bermula dengan 20% pada tahun 2014 dan meningkat secara berperingkat sehingga tahun 2021 seperti dipaparkan dalam **Rajah 3**.



**Rajah 3:** Peratus soalan KBAT dalam kertas peperiksaan

### Kualiti Jawapan Calon dalam Soalan KBAT

Kualiti jawapan calon dikategorikan kepada Sangat Rendah, Rendah, Sederhana dan Tinggi mengikut kriteria bagi setiap kemahiran. Perincian kategori kualiti calon berdasarkan kemahiran berfikir ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.


		Kemahiran			
		 Mengaplikasi	 Menganalisis	 Menilai	 Mencipta
Kualiti Jawapan	Tinggi	Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan fakta, konsep, prinsip dan peraturan dengan betul, tepat, terperinci serta mendalam dalam semua konteks.	Calon dapat menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh dengan betul serta memberi penerangan terperinci dan jelas berserta bukti yang tepat.	Calon mampu membuat pertimbangan menggunakan maklumat yang diberi untuk menyelesaikan masalah dan membuat kesimpulan dengan tepat dan bernas.	Calon mampu menghasilkan sesuatu yang baharu, kreatif dan menarik dengan mengemukakan pelbagai kaedah dan strategi dalam penyelesaian masalah.
	Sederhana	Calon dapat mengaplikasi pengetahuan, kemahiran dan nilai berkaitan dengan fakta, konsep, prinsip dan peraturan dengan betul dalam sebahagian tugas dan terhad kepada konteks tertentu.	Calon boleh menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh dengan betul serta memberi penerangan terperinci dalam sebahagian tugas berserta bukti yang tepat.	Calon mampu membuat pertimbangan menggunakan maklumat yang diberi untuk menyelesaikan masalah dan membuat kesimpulan dalam sebahagian tugas dan konteks yang terbatas.	Calon mampu menghasilkan sesuatu yang baharu dan menarik dengan mengemukakan kaedah dan strategi dalam penyelesaian masalah.
	Rendah	Calon hanya dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dengan betul dalam konteks yang mudah sahaja.	Calon dapat menganalisis dan menginterpretasi maklumat yang diperoleh dalam konteks yang terhad.	Calon mampu membuat pertimbangan menggunakan maklumat yang diberi untuk menyelesaikan masalah.	Calon mampu menghasilkan sesuatu yang baharu dalam penyelesaian masalah.
	Sangat Rendah	Calon mendapat skor 0	Calon mendapat skor 0	Calon mendapat skor 0	Calon mendapat skor 0

**Rajah 6:** Kriteria Kualiti Jawapan Mengikut Kemahiran

## Penguasaan KBAT


Penguasaan KBAT dilaporkan dengan merujuk kepada keupayaan calon menjawab soalan peperiksaan yang mengandungi elemen KBAT. Tahap penguasaan minimum KBAT mengambil kira jawapan berkualiti tinggi, sederhana dan rendah. Secara keseluruhannya, 53.0% calon berupaya menjawab soalan yang mengandungi elemen KBAT.

Rajah 4 di bawah menunjukkan tahap penguasaan minimum mengikut kemahiran KBAT



**Rajah 4:** Penguasaan Tahap Minimum KBAT Mengikut Kemahiran


Calon yang menguasai KBAT dengan baik berupaya memberikan jawapan berkualiti tinggi dan sederhana. **Rajah 5** di bawah menunjukkan peratusan kualiti jawapan tinggi dan sederhana mengikut kemahiran.



**Rajah 5:** Penguasaan Baik dalam KBAT SPM

Analisis kualiti jawapan secara terperinci ditunjukkan dalam **Rajah 6** di bawah.





**Rajah 6:** Kualiti Jawapan Calon Mengikut Kemahiran

Secara keseluruhannya, kualiti jawapan calon mengikut kemahiran adalah seimbang. Calon yang menguasai elemen KBAT mampu memberi kualiti jawapan yang baik dalam semua kemahiran di atas.

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2021

ANALISIS MATA PELAJARAN DAN GRED PURATA MATA PELAJARAN (GPMP) PERINGKAT NASIONAL  
(Calon Baharu yang Mendaftar Sekurang-kurangnya Enam Mata Pelajaran)

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E	Gagal G		
1103	Bahasa Melayu	2021	30.6	47.6	18.6	96.8	3.2	372,499	4.11
1119	Bahasa Inggeris	2021	22.3	35.4	28.4	86.1	13.9	369,018	5.23
1223	Pendidikan Islam	2021	28.3	51.5	8.6	88.4	11.6	221,023	4.31
1225	Pendidikan Moral	2021	26.6	44.1	9.7	80.4	19.6	119,358	4.79
1249	Sejarah	2021	24.1	40.7	24.8	89.6	10.4	379,973	4.88
1449	Matematik	2021	29.4	15.5	29.6	74.5	25.5	375,997	5.57
1511	Sains	2021	20.1	43.4	26.1	89.6	10.4	284,412	5.15
2206	Kesusasteraan Inggeris	2021	41.8	32.5	20.7	95.0	5.0	643	3.86
2216	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	2021	21.2	44.3	25.5	91.0	9.0	13,103	5.04
2280	Geografi	2021	20.2	50.8	20.7	91.7	8.3	35,366	4.84
2361	Bahasa Arab	2021	26.1	44.4	20.2	90.7	9.3	27,015	4.61
2611	Pendidikan Seni Visual	2021	12.5	76.9	10.1	99.5	0.5	115,375	4.44
2621	Pendidikan Muzik	2021	50.4	36.8	11.7	98.9	1.1	454	3.01
2711	Lukisan	2021	94.7	5.3	0.0	100.0	0.0	76	0.43
2712	Sejarah dan Pengurusan Seni	2021	85.5	14.5	0.0	100.0	0.0	76	0.71
2713	Seni Halus 2D	2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	27	0.00
2714	Seni Halus 3D	2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	27	0.07
2715	Reka Bentuk Grafik	2021	95.2	4.8	0.0	100.0	0.0	21	0.57
2716	Multimedia Kreatif	2021	81.0	19.0	0.0	100.0	0.0	21	1.10
2717	Reka Bentuk Kraf	2021	67.9	32.1	0.0	100.0	0.0	28	1.21

## LAMPIRAN A

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E	Gagal G		
2718	Reka Bentuk Industri	2021	71.4	28.6	0.0	100.0	0.0	28	1.14
2721	Produksi Seni Persembahan	2021	99.5	0.0	0.0	99.5	0.5	194	0.10
2722	Alat Muzik Utama	2021	87.3	12.7	0.0	100.0	0.0	79	0.72
2723	Muzik Komputer	2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	79	0.27
2724	Aural dan Teori	2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	79	0.24
2731	Tarian	2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	59	0.00
2732	Koreografi Tari	2021	98.3	1.7	0.0	100.0	0.0	59	0.08
2733	Apresiasi Tari	2021	100.0	0.0	0.0	100.0	0.0	59	0.00
2741	Lakonan	2021	98.2	0.0	0.0	98.2	1.8	56	0.20
2742	Penulisan Skrip	2021	98.2	0.0	0.0	98.2	1.8	56	0.16
2743	Sinografi	2021	98.2	0.0	0.0	98.2	1.8	56	0.27
3472	Matematik Tambahan	2021	17.6	33.9	22.2	73.7	26.3	116,576	5.84
3729	Pertanian	2021	25.0	61.9	12.3	99.2	0.8	8,436	4.01
3754	Pengajian Keusahawanan	2021	22.9	67.1	9.3	99.3	0.7	441	4.12
3756	Prinsip Perakaunan	2021	33.1	33.9	24.3	91.3	8.7	58,195	4.51
3759	Lukisan Kejuruteraan	2021	22.6	60.1	13.1	95.8	4.2	2,057	4.37
3760	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal	2021	18.4	58.4	21.0	97.8	2.2	706	4.72
3761	Pengajian Kejuruteraan Awam	2021	21.1	60.6	18.2	99.9	0.1	714	4.37
3762	Pengajian Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik	2021	29.5	57.0	13.5	100.0	0.0	637	3.81
3763	Reka Cipta	2021	25.5	62.3	11.9	99.7	0.3	6,167	3.90
3766	Perniagaan	2021	16.2	30.2	46.7	93.1	6.9	85,067	5.70
3767	Ekonomi	2021	15.7	32.9	39.7	88.3	11.7	47,688	5.77

LAMPIRAN A


Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E	Gagal G		
3768	Asas Kelestarian	2021	36.0	59.9	4.1	100.0	0.0	942	3.37
3769	Sains Rumah Tangga	2021	15.1	53.1	30.9	99.1	0.9	14,484	5.04
3770	Sains Komputer	2021	23.3	62.0	14.3	99.6	0.4	13,642	4.21
3771	Grafik Komunikasi Teknikal	2021	24.3	61.6	13.7	99.6	0.4	5,386	4.04
4531	Fizik	2021	23.6	53.9	21.7	99.2	0.8	90,583	4.40
4541	Kimia	2021	20.5	40.0	35.9	96.4	3.6	91,793	5.08
4551	Biologi	2021	22.4	53.5	22.4	98.3	1.7	71,319	4.55
4561	Sains Tambahan	2021	8.5	48.9	39.9	97.3	2.7	1,009	5.66
4572	Sains Sukan	2021	19.3	55.7	24.9	99.9	0.1	10,042	4.59
5226	Tasawwur Islam	2021	25.4	52.4	11.6	89.4	10.6	38,077	4.49
5227	Pendidikan Al-Quran Dan Al-Sunnah	2021	43.9	41.6	7.9	93.4	6.6	24,301	3.39
5228	Pendidikan Syariah Islamiah	2021	26.4	56.3	9.8	92.5	7.5	23,937	4.23
5301	Hifz Al-Quran	2021	75.2	24.3	0.5	100.0	0.0	2,949	1.71
5302	Maharat Al-Quran	2021	32.5	67.4	0.1	100.0	0.0	2,892	2.98
5303	Turath Al-Quran dan Al-Sunnah	2021	28.1	71.9	0.0	100.0	0.0	57	3.49
5304	Turath Dirasat Islamiah	2021	84.2	14.0	1.8	100.0	0.0	57	1.26
5305	Turath Bahasa Arab	2021	73.7	26.3	0.0	100.0	0.0	57	1.70
5401	Usul Al-Din	2021	30.8	48.9	12.0	91.7	8.3	11,196	4.17
5402	Al-Syariah	2021	22.7	50.2	17.6	90.5	9.5	11,202	4.73
5403	Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah	2021	10.9	63.1	19.0	93.0	7.0	11,198	5.01
5404	Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah	2021	17.9	36.8	25.4	80.1	19.9	4,158	5.58
5405	Al-Adab Wa Al-Balaghah	2021	28.0	40.6	18.3	86.9	13.1	4,137	4.67

LAMPIRAN A

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E	Gagal G		
6351	Bahasa Cina	2021	23.4	63.5	8.4	95.3	4.7	49,976	4.04
6354	Bahasa Tamil	2021	29.5	55.2	11.1	95.8	4.2	9,557	3.94
6356	Bahasa Iban	2021	44.0	44.5	10.6	99.1	0.9	1,462	3.26
6357	Bahasa Kadazandusun	2021	65.7	25.1	8.2	99.0	1.0	367	2.45
6358	Bahasa Semai	2021	23.1	61.5	15.4	100.0	0.0	13	3.54
7101	Pembinaan Domestik	2021	15.5	84.0	0.4	99.9	0.1	470	3.63
7103	Kerja Paip Domestik	2021	43.4	55.0	0.4	98.8	1.2	258	2.90
7104	Pendawaian Domestik	2021	22.5	57.8	19.6	99.9	0.1	102	4.13
7105	Kimpalan Arka dan Gas	2021	23.0	73.6	3.4	100.0	0.0	348	3.61
7106	Menservis Automobil	2021	13.7	86.3	0.0	100.0	0.0	197	3.88
7107	Menservis Motosikal	2021	14.9	84.2	0.9	100.0	0.0	228	3.96
7108	Menservis Peralatan Penyejukan Dan Penyamanan Udara	2021	8.4	91.6	0.0	100.0	0.0	178	4.03
7109	Menservis Peralatan Elektrik Domestik	2021	32.9	64.6	2.2	99.7	0.3	806	3.33
7110	Pembuatan Perabot	2021	68.8	30.5	0.7	100.0	0.0	282	2.19
7201	Rekaan dan Jahitan Pakaian	2021	26.8	72.7	0.5	100.0	0.0	418	3.47
7202	Katering dan Penyajian	2021	33.8	65.5	0.4	99.7	0.3	696	3.00
7203	Pemprosesan Makanan	2021	39.7	60.2	0.1	100.0	0.0	1,022	2.84
7205	Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak	2021	24.6	75.4	0.0	100.0	0.0	175	3.30
7207	Penjagaan Muka dan Penggayaan Rambut	2021	82.6	17.4	0.0	100.0	0.0	149	1.91
7208	Gerontologi Asas dan Geriatric	2021	98.2	1.8	0.0	100.0	0.0	113	0.94
7301	Landskap dan Nurseri	2021	18.8	79.7	1.5	100.0	0.0	1,896	3.71
7302	Akuakultur dan Haiwan Rekreasi	2021	32.3	67.7	0.0	100.0	0.0	93	3.02

LAMPIRAN A

Kod	Mata Pelajaran	Tahun	Peratusan Calon					Bil. Duduki	GPMP
			Cemerlang A+, A, A-	Kepujian B+, B, C+, C	Lulus DE	A+→E	Gagal G		
7303	Tanaman Makanan	2021	51.6	48.4	0.0	100.0	0.0	246	2.56
7403	Produksi Multimedia	2021	27.0	72.1	0.9	100.0	0.0	811	3.35
7405	Produksi Reka Tanda	2021	72.7	27.2	0.1	100.0	0.0	1,816	2.13
7406	Hiasan Dalaman	2021	77.7	22.3	0.0	100.0	0.0	291	1.93
7407	Reka Bentuk Grafik Digital	2021	80.5	19.4	0.1	100.0	0.0	1,104	1.91
9216	Kesusasteraan Cina	2021	23.6	43.3	19.2	86.1	13.9	1,764	4.91
9217	Kesusasteraan Tamil	2021	41.8	38.8	11.3	91.9	8.1	3,001	3.74
9221	Bible Knowledge	2021	34.0	34.0	13.0	81.0	19.0	285	4.58
9378	Bahasa Punjabi	2021	62.2	24.4	8.9	95.5	4.5	45	2.82



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
ARAS 1,2,5-13 BLOK E11 DAN ARAS 3 BLOK E14,  
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E,  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,  
62604 WP PUTRAJAYA,

JALAN TUANKU ABDUL HALIM,  
50605 WP KUALA LUMPUR

LAMAN WEB : [LP.MOE.GOV.MY](http://LP.MOE.GOV.MY)